

# → SEMINAR UPM

## PELANTIKAN

### Wan Mohd Zahid Pengerusi baharu MPPK

**Putrajaya:** Bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, dilantik sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) sesi 2018-2021 berkuat kuasa 1 Ogos lalu.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata Tan Sri Yong Poh Kon dilantik sebagai Timbalan Pengerusi majlis itu, manakala lima lagi tokoh dilantik sebagai ahli majlis.

Tokoh berkenaan ialah Datin Noor Azimah Abdul Rahim, Datuk Satinah Syed Saleh, Datuk Dr Sukiman Sarmani, Brigadier Jeneral Datuk Yusri Anwar dan Prof Dr Ruzita Mohd Amin.

"Kementerian Pendidikan sudah meneliti profil pakar pendidikan yang bersesuaian dan anggota MPPK dilantik dalam kalangan mereka yang mempunyai kepakaran, kredibiliti serta rekod prestasi yang cemerlang dalam bidang pendidikan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

#### Visi progresif, berpengalaman luas

Maszlee berkata, Wan Mohd Zahid dipilih berdasarkan visinya yang progresif dan pengalaman luas dalam sistem pendidikan kebangsaan, manakala Poh Kon yang juga Pengerusi Royal Selangor International Sdn Bhd, banyak menyumbang tenaga dan jasa dalam bidang pendidikan walaupun berada dalam industri berlainan.

Beliau berharap MPPK akan membantu kementerian dengan memberi pandangan dan nasihat, khususnya menjayakan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan PPPM (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

"MPPK akan menasihati Menteri Pendidikan dalam semua perkara berkaitan dengan pendidikan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi," katanya.

Maszlee berkata, Kementerian Pendidikan melalui pentadbiran kerajaan baharu mengamalkan sikap terbuka dan MPPK akan memainkan peranan penting dalam memberi nasihat berkaitan pendidikan khususnya kepada Menteri Pendidikan.



**Arndt Graf,**  
Ketua Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe, Frankfurt



Penutur bahasa Melayu di Asia Tenggara perlu memastikan kedudukan bahasa itu menjadi lebih penting sejajar dengan usaha menjadikannya

relevan sebagai bahasa wacana RI4"



**Mohd Yusof Othman,**  
Pengarah Institut Islam Hadhari, UKM



Bahasa Melayu perlu dijadikan sebagai bahasa pengantar kepada pembangunan sains dan teknologi dalam

tamadun di alam Melayu"

## Bahasa Melayu relevan RI4

→ Masyarakat penutur perlu mantap sahsiah, peribadi, jati diri seiring kemajuan sains dan teknologi

**Oleh Hafizah Iszahanid**  
hafiza@bh.com.my

► Serdang

**B**ahasa Melayu tidak akan terancam dengan kemaraan era Revolusi Industri Keempat (RI4) selagi penuturnya terus mendaftarkan dan berusaha melestarikan serta memperkayakannya.

Ketua Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe, Frankfurt, Prof Dr Arndt Graf, berkata beliau optimis bahasa Melayu akan kekal relevan dan menjadi

lebih penting dalam era RI4.

Graf berkata, sejak pertengahan 2010, istilah RI4 semakin tersebar di negara ini hingga menimbulkan kebimbangan terhadap kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

#### Bahasa wacana

"Kebimbangan ini bukan hanya terjadi di negara ini, sebaliknya ia juga juga diperkatakan di Indonesia dan Thailand hingga menimbulkan pertanyaan adakah semestinya bahasa wacana mengenai RI4 dikendalikan dalam bahasa Inggeris.

"Bagaimana pula dengan kedudukan bahasa bukan Inggeris, adakah ia akan terus wujud," katanya ketika menyampaikan Ucaptama Seminar Mendaulatkan Bahasa Melayu: Bahasa Melayu Meniti Era Revolusi Industri Keempat di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris dan Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Yusof Othman.

Graf berkata, apa yang dihebahkan di media mengenai penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa wacana, RI4 hanya dibuat untuk tujuan pemasaran antarabangsa.

"Apa yang sebenarnya berlaku adalah wacana RI4 di Eropah dibangunkan sepenuhnya dalam bahasa bukan Inggeris, iaitu bahasa Jerman, Sepanyol dan Itali.

#### Perkaya istilah sains dan teknologi

"Penutur bahasa Melayu di Asia Tenggara, khususnya Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam perlu memastikan kedudukan bahasa itu menjadi lebih penting sejajar dengan usaha menjadikannya relevan sebagai bahasa wacana RI4," katanya.

Beliau berkata, hal itu boleh dicapai dengan memperkayakan istilah sains dan teknologi, menambah khazanah ilmu berbahasa Melayu melalui penerbitan makalah jurnal serta buku yang sesuai dengan era industri, selain mengajar semua mata pelajaran di maktab, kolej dan universiti dalam bahasa Melayu.

"Pendeknya bahasa Melayu wajib dijadikan bahasa wacana untuk RI4 di negara ini," katanya.

Untuk rekod, RI4 atau revolusi perindustrian keempat secara umumnya membabitkan *Internet of Things (IoT)* dalam setiap aspek kehidupan harian.

Ia dinamakan RI4 berdasarkan revolusi pertama yang membabitkan penggunaan mesin berkuasa wap, revolusi elektrik dan teknologi maklumat.

Sementara itu, Mohd Yusof berkata, kepentingan memartabatkan bahasa Melayu bukan hanya untuk mendepani RI4, bahkan untuk memastikan sahsiah, keperibadian, jati diri dan nilai masyarakat penuturnya dimantapkan seiring dengan kemajuan sains dan teknologi.

"Pembangunan sains dan teknologi dalam peradaban Barat bersifat sekular serta terpisah daripada sistem nilai budaya dan agama.

"Justeru, bahasa Melayu perlu dijadikan bahasa pengantar kepada pembangunan sains dan teknologi dalam tamadun di alam Melayu," katanya.

## 'Mampu jadi bahasa pengantar sains, teknologi'

**Serdang:** Pandangan yang tidak meyakini bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan pengantar sains serta teknologi tidak berasas kerana banyak buku mengenai bidang berkenaan diterbitkan dalam bahasa berkenaan sejak 1980-an.

Pensyarah Jabatan Kimia dan Kejuruteraan Proses, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Ir Wan Ramli Wan Daud, berkata kebanyakan universiti awam (UA) juga menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

"Bagaimanapun, usaha memartabatkan bahasa Melayu yang dibuat sejak merdeka terutama dalam bidang pendidikan, tiba-tiba dihentikan dan digantikan dengan bahasa Inggeris tanpa berpandukan sebarang kajian," katanya.

Beliau berkata demikian dalam forum sempena Seminar Mendaulatkan Bahasa Melayu: Bahasa Melayu Meniti Era Revolusi Industri Keempat di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Forum dikendalikan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kota

Buku, Sayed Munawar Sayed Mustar itu, disertai bekas Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk Prof Emeritus Dr Hashim Yaacob dan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Prof Dr Azizan Baharuddin.

#### PPSMI diperkenal

Wan Ramli berkata, keadaan itu lebih mencabar apabila dasar Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) diperkenalkan pada 2003.

"Bagaimanapun kajian yang dibuat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 2008 dan kajian antarabangsa seperti *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* pada 2007 menjelaskan kemerosotan peratus penguasaan subjek Sains dan Matematik selepas PPSMI dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata, kajian itu tidak diterima sepenuhnya, sebaliknya Program Dwibahasa (DLP) pula diperkenalkan.

"Kita negara merdeka yang se-

patutnya menggunakan bahasa sendiri," katanya.

Sementara itu, Hashim berkata, bahasa Melayu kekal relevan dan penting, justeru, usaha untuk meningkatkan martabatnya perlu dibuat dengan menambah penerbitan sains dan teknologi dalam bahasa Melayu.

Majlis perasmian penutup seminar anjuran Kementerian Pendidikan dengan kerjasama UPM dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), disempurnakan Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching.